

Praktis Topikal 9

Bahagian A

9.1

Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis

1 Mengapakah institusi beraja harus dipelihara pada masa ini?

- A Simbol kekuatan negara
- B Menjaga keamanan kaum
- C Warisan kesultanan Melayu
- D Menjaga keturunan raja dahulu

2 Apakah peranan dan fungsi jawatan penghulu?

- A Pembantu kepada raja di istana
- B Penguasa pada peringkat mukim
- C Bertanggungjawab terhadap jajahan
- D Bertanggungjawab sebagai ketua agama

3 Rajah berikut menunjukkan sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu.



Apakah peranan raja sebagai hierarki tertinggi dalam pemerintahan beraja?

- I Ketua negeri
 - II Ketua agama Islam
 - III Ketua di setiap kampung
 - IV Ketua keselamatan negeri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

4 Maklumat berikut berkaitan adat istiadat kerajaan Melayu.

Sistem pemerintahan raja yang berdaulat terpancar menerusi warisan istiadat pertabalan diraja.

Apakah tujuan pertabalan pemerintah dilaksanakan?

- A Warisan nenek moyang
- B Mengikut tradisi dahulu kala
- C Mengabsahkan kedaulatan raja
- D Memenuhi takwim dalam istana

5 Maklumat berikut berkaitan badan penasihat sultan atau raja.

- Diketuai oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua
- Membantu Sultan atau Raja dalam pentadbiran

Apakah badan penasihat tersebut?

- A Sistem Ahli
- B Pakatan Murni
- C Suruhanjaya Pilihan Raya
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

6 Apakah syarat utama untuk penggantian pemerintah di negeri Kedah, Kelantan dan Perlis?

- A Berbangsa Melayu
- B Berilmu pengetahuan
- C Bermastautin dalam negara
- D Mempunyai harta kekayaan

7 Apakah persamaan tanggungjawab sultan atau raja yang termaktub dalam sistem perundangan berikut?

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darulaman
- Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

- I Berhak memilih Menteri Besar
 - II Membubarkan Dewan Undangan Negeri
 - III Membahaskan usul yang dikemukakan rakyat
 - IV Melarang penyerahan negeri kepada kerajaan lain
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Maklumat berikut menunjukkan karya persuratan kerajaan Melayu.

Hikayat Merong Mahawangsa

Hikayat tersebut mengisahkan tentang

- A Kesultanan Kelantan
- B pengasasan kerajaan Kedah
- C warisan negeri-negeri Melayu
- D keagungan kisah putera-putera raja dahulu

9 Antara berikut, karya persuratan yang manakah menyelitkan kisah alat kebesaran diraja, iaitu nobat?

Buku
Teks
m/s 164

- A Syair Sultan Maulana
- B Hikayat Seri Kelantan
- C Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah
- D Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah

10 Maklumat berikut berkaitan karya sejarah dalam kerajaan Melayu.

Buku
Teks
m/s 165

X

- Ditulis oleh Sa'ad Shukri bin Haji Muda pada tahun 1971
- Mencatatkan sejarah pengasasan kerajaan Kelantan
- Mencatatkan peristiwa penting setiap pemerintah

Apakah X?

- A Syair Sultan Maulana
- B Hikayat Seri Kelantan
- C Detik2 Sejarah Kelantan
- D Hikayat Merong Mahawangsa

11 Maklumat berikut menunjukkan kesenian dalam kerajaan Melayu. (KBAT)

- Seni ukir
- Seni bina
- Seni kraf tangan

Apakah yang boleh digambarkan tentang masyarakat dalam kerajaan Melayu berdasarkan maklumat tersebut?

- A Keaktifan
- B Kekreatifan
- C Berwawasan
- D Kesungguhan

12 Penglipurlara di negeri Perlis dikenali sebagai

Buku
Teks
m/s 167

- A Tok Batil
- B Awang Batil
- C Seri Mayang
- D Tok Warisan

13 Apakah fungsi seni silat pada masa kini?

Buku
Teks
m/s 167

- I Lambang keperibadian seseorang
 - II Pertunjukan di majlis rumah terbuka
 - III Dijadikan sebagai persembahan istimewa
 - IV Dipertandingkan di peringkat antarabangsa
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9.2 Keunikan Adat dan Pemerintahan Negeri Sembilan

14 Antara berikut, yang manakah merupakan keunikan Adat Perpatih dalam pelaksanaan hukuman?

Buku
Teks
m/s 168

- I Bersifat pemulihan
 - II Mengutamakan kepentingan pesalah
 - III Hukuman dijatuhkan tanpa belas kasihan
 - IV Pesalah dikenakan hukuman denda untuk semua kesalahan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

15 Apakah yang dimaksudkan dengan upacara kedim?

Buku
Teks
m/s 169

- A Pembuangan ahli daripada suku
- B Pelaksanaan adat memulih pusaka
- C Penerimaan orang dari suku lain menjadi ahli suku
- D Penggabungan sesuatu suku dengan suku yang lain

16 Rajah berikut menunjukkan beberapa nama yang diberikan kepada X.

Buku
Teks
m/s 170

X

- Ibu Waris
- Ibu Telapak
- Bundo Kandung

Apakah X?

- A Ibu Soko
- B Anak Buah
- C Ketua Luak
- D Ketua Suku

17 Maklumat berikut berkaitan dengan

Buku
Teks
m/s 170

- Unit terkecil
- Ahlinya daripada keturunan sebelah ibu

- A Lembaga
- B Undang
- C Perut
- D Suku

18 Apakah peranan Lembaga dalam struktur pemerintahan di Negeri Sembilan?

Buku
Teks
m/s 171

- I Menjadi orang tengah
 - II Melantik ketua kerajaan
 - III Memilih Undang dan Penghulu
 - IV Mengurus pembahagian harta pusaka
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV